

**Pelajar K15 UPM Beri Sumbangan Kepada Anak Yatim***Haliena Azhar menyampaikan sumbangan kepada anak yatim.*

SABAK BERNAM, 11 Jan – Seramai 62 orang pelajar Kolej Lima Belas Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyampaikan sumbangan kepada Asrama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam, Selangor di sini baru-baru ini.

Sumbangan berupa barang makanan, hamper, hadiah dari pelajar dan barang sumbangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM disampaikan oleh Penolong Pengurus Kolej Lima Belas, Haliena Azhar kepada 46 orang anak yatim di sini.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti aktiviti suaikenal, januan makan, sukaneka, kuiz dan gotong-royong membersihkan kawasan asrama anak yatim.

Pengarah program tersebut, Zakiyah Ahmad berkata lawatan itu untuk memupuk pelajar kolej bergiat cergas dalam aktiviti amal.

"Program sebegini dapat mengisi masa terluang pelajar dengan aktiviti bermanfaat di samping menunaikan tanggungjawab mercurahkan bakti kepada golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata asrama anak yatim di kawasan luar bandar kurang menerima sumbangan berbanding di kawasan bandar sedangkan mereka amat memerlukan sumbangan sektor awam dan korporat.

"Selain itu kami akan mengadakan lawatan ke rumah orang-orang tua dan kempen derma darah pada masa akan datang dalam mempergajatk aktifiti amal di kalangan pelajar," katanya.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia